

20 JUN 2000

Mahathir-globalisasi/I (EMBARGO 2330/20 JUN)

MALAYSIA SEDIA HADAPI SERANGAN BARU EKONOMI DUNIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia akan bermati-matian mempertahankan dirinya daripada serangan baru ekonomi dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam satu ceramah di Universiti Kaherah, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan membenarkan ianya dipaksa menerima ide, ideologi dan slogan tanpa menilainya dengan teliti.

"Malaysia telah mengalami globalisasi modal dan kami hampir musnah akibatnya. Mujurlah kami berjaya melaksanakan cara sendiri mempertahankan diri kami dan membina semula ekonomi kami.

"Kami sedar kejayaan kami mungkin untuk seketika saja tetapi kami tidak akan membenarkan diri kami dipaksa menerima ide, ideologi dan slogan tanpa menilainya dengan teliti.

"Jika kami syak bahawa ada agenda cuba diketengahkan, kami akan berlawan bermati-matian mempertahankan negara kami dan kemakmuran rakyat kami," katanya.

Pusat bagi Pengajian Asia di Fakulti Ekonomi dan Sains Politik universiti berkenaan menganjurkan ceramah itu bagi mempelajari strategi Malaysia dalam menangani krisis kewangan berhubung kesan globalisasi terhadap negara-negara membangun.

Dr Mahathir berkata pendekatan Malaysia terhadap globalisasi berpandu kepada prinsip asas bahawa tahap pelaksanaan globalisasi di Malaysia sekurang-kurangnya mestilah mengikut kehendak Malaysia berdasarkan keadaan dan keutamaan.

"Memanglah tak mungkin semuanya boleh berlaku tetapi yang penting ialah memastikan semua pihak mendapat manfaat, baik pelabur asing ataupun rakyat Malaysia," kata Perdana Menteri yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak ke-10 Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G-15) yang berakhir hari ini.

Katanya globalisasi perlu dilaksanakan secara pragmatik serta anjal dan bukannya terlalu mengikat.

"Ia tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang mutlak tetapi sebagai jalan ke arah yang mutlak, iaitu untuk kehidupan lebih baik kepada rakyat kami dan kebebasan kami daripada penguasaan asing," katanya.

Dr Mahathir berkata seperti juga kebebasan mutlak boleh menyebabkan anarki, globalisasi mutlak juga boleh mencetuskan keadaan huru hara seperti yang berlaku semasa krisis kewangan tidak lama dahulu.

"Kita mesti elak daripada cengkaman 'pasaran bebas' yang membolehkan kuasa datang bukannya daripada kekuatan senjata tetapi daripada buku cek.

"Kami tidak dapat menerima pendapat bahawa disiplin pasaran adalah kukuh kerana pasaran tidak pernah sempurna dan amat cenderung untuk bertindak balas secara berlebihan dan tertakluk kepada manipulasi," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan secara terperinci strategi Malaysia menangani krisis kewangan termasuk memperkenalkan kawalan modal dan tukaran berpilih pada 1 Sept 1998 yang menyaksikan ringgit Malaysia ditetapkan pada dollar Amerika.

Perdana Menteri berkata krisis kewangan Asia telah mendedahkan risiko dan cabaran yang berpunca daripada globalisasi terhadap negara-negara membangun khususnya negara kecil seperti Malaysia.

Ada pihak menyatakan Malaysia tidak perlu mengenakan kawalan sedemikian kerana menurut mereka, mata wang serantau telah mulai kukuh dalam suku terakhir 1998.

"Memang mudah untuk berkata demikian sekarang tetapi semasa (krisis) itu, semua pihak termasuk pakar-pakar ekonomi meramalkan bahawa ekonomi Asia akan terus mengalami kemerosotan," katanya.

Krisis itu membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk menyelesaikan masalah kemasukan modal yang menyebabkan ketidakstabilan dan yang sering dikaitkan dengan aktiviti spekulator mata wang, tabung lindung nilai dan pelabur jangka pendek, kata Dr Mahathir.

Ia juga menguatkan desakan supaya struktur kewangan antarabangsa diubah.

Beilau berkata oleh kerana Malaysia tidak terikat dengan kaedah Tabung Kewangan Antarabangsa untuk menangani krisis itu, ia mampu menangkis serangan antarabangsa.

"Tetapi kini serangan datang dari arah lain. Globalisasi dan IT menjadikan syarikat tempatan tidak berdaya saing dan kegagalan mereka akan menyebabkan mereka diambil alih oleh pihak asing.

"Kami sedang mencari jalan bagaimana menghadapi serangan baru ini," katanya.

"Mesin propaganda Barat memang pandai membuat seseorang itu rasa bersalah jika dia tidak menerima ide dan ideologi yang direka oleh negara kaya untuk memberikan mereka kelebihan tambahan berbanding negara miskin," katanya.

Demokrasi, pasaran bebas, dunia tanpa sempadan, hak pekerja dan buruh kanak-kanak semuanya direka di negara kaya dan dipaksa diterima oleh negara miskin.

"Semuanya berbunyi hebat tetapi apabila diterima oleh negara miskin, mereka akhirnya menjadi tidak stabil dan terpaksa tunduk kepada negara kaya," katanya.

Sambil menyifatkan saiz modal sekarang sebagai "menakjubkan", Dr Mahathir berkata perdagangan mata wang pada masa ini adalah 20 kali lebih besar daripada dagangan dunia.

"Wang yang begitu banyak tidak dapat tidak akan mengucar-kacirkan perniagaan. Apabila digunakan untuk membeli atau menjual mata wang, sesebuah negara boleh tergugat, penggerak wang itu menjadi lebih kaya, tetapi negara-negara akan menghadapi tunjuk perasaan, kekerasan dan peperangan, kerajaan digulingkan dan anarki merebak di negara yang dahulunya mengamalkan undang-undang dan peraturan.

"Masanya telah tiba bagi kita khususnya yang miskin, sedar bahawa kita dipujuk dengan kata-kata manis dan janji slogan baru, sistem baru dan ideologi baru.

"Tak bolehkah pasaran menjadi bebas tanpa penguasaan negara kaya dan berkuasa? Adakah pasaran bebas itu bebas jika ia dikuasai oleh yang kaya?" kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
AZZ AHH MAI